

# Dilema *Basa Yawi* di Selatan Thai: Antara Kesetiaan Bahasa dan Cabaran Semasa

Ahmad Fathy al-Fatani

## ABSTRAK

Makalah ini berusaha memberi gambaran mendalam tentang kedudukan dan penggunaan bahasa di Selatan Thailand. Isu-isu yang akan ditinjau meliputi sejarah dan peranan bahasa Melayu (disebut *Basa Yawi*) dalam membentuk identiti, budaya dan peradaban dalam kalangan masyarakat peribumi di wilayah tersebut dan cabaran dalam menghadapi dasar pendidikan negara Thailand yang menekankan penggunaan bahasa Thai, misalnya, sebagai bahasa Thai sebagai wahana untuk mencapai peraduan negara berkenaan. Mengikut sejarah, pada asalnya Selatan Thailand, meliputi Patani, Yala, Narathiwat dan Satun adalah di bawah kedaulatan Kesultanan Melayu (Kesultanan Patani dan Kedah). Hal ini dengan sendirinya menjelaskan majoriti masyarakat di wilayah tersebut terdiri daripada orang Melayu. Wilayah tersebut berada di bawah Thailand pada masa agak baru — hanya selepas Perjanjian Bangkok 1909 antara Siam dengan British. Berasaskan fakta ini, adalah lazim berlaku dalam kalangan masyarakat minoriti dalam keadaan seperti itu berusaha mempertahankan dan mengukuh sejarah, budaya, adat dan bangsa sebagai wahana kelangsungan hidup identiti mereka. Makalah ini meninjau delima ini dan berusaha menjelaskan cara-cara yang saksama mengenai isu-isu ini.

Kata kunci: *Basa Yawi*, cabaran, kerajaan Thailand, identiti, kelangsungan hidup.

## ABSTRACT

This paper attempts to provide some insights into the position of Malay language (pronounce *Basa Yawi*) and its usage in the province of Southern Thailand. Issues of discussion include its history, the role it has played in shaping the identity, culture and civilization of indigenous in the province and the challenges in present day in the face of Thai's national education policy which emphasis on national language, i.e. Thai language as vehicle to achieve unity in the nation. According to history, Southern Thailand, which consist of Patani, Yala, Narathiwat and Satun were previously under the reign of Malay Sultanate (Sultan of Patani and Kedah). This explains why majority of the people in the province are Malays. Those provinces being part of Thailand in quite recent time — just after the Bangkok Treaty 1909 between Siam and British. Due to this fact, it is only natural for the minorities in such condition to protect and enhance their loyalty to their history, culture, customs and language as vehicle

for their identity survival. This paper explores the dilemma and try to figure out a fair solution to these issues.

Keywords: Basa Yawi, challenges, Thailand's government, identity, survival.

## Basa Yawi – Aksara Jawi

Sebenarnya tidak ada istilah “Basa Yawi” dalam budaya dan tamadun Melayu. Apa yang dikenal sebagai “Basa Yawi” dalam wilayah Selatan Thai tidak lain maksudnya ialah tulisan atau aksara Jawi yang dikenal dalam wilayah dunia Melayu yang lain, yakni sejenis bentuk tulisan atau huruf yang dipinjam oleh orang Melayu bagi menulis bahasanya, menggantikan tulisan Hindu (Pallava atau Kawi) yang telah digunakan sebelum kedatangan Islam. Huruf-huruf bagi tulisan ini ada yang diambil secara langsung dari abjad Arab dan ada pula yang diambil melalui huruf Parsi. Kerana itulah kita dapati tulisan Jawi mengandungi semua huruf dalam abjad hija'iyah Arab, dengan tambahan beberapa huruf Parsi yang diperlukan dalam bahasa Melayu, tetapi yang tidak ada dalam abjad Arab seperti huruf-huruf *cha, nga, nya, pa* (titik tiga) dan *ga*.

Dari segi nama, perkataan atau kalimah Jawi itu sendiri pun berasal dari bahasa Arab – *Jawi* – suatu bentuk adjektif bagi kata Arab “Jawah” yang merujuk nama daerah atau kawasan bagi Asia Tenggara. Menurut catatan, Ibnu Batutah telah menggunakan nama “al-Jawah” ini dalam bukunya *al-Rihlah* bagi maksud Asia Tenggara, manakala perkataan “Jawi” pula adalah merujuk penduduknya. Dengan demikian, nama *jawah* dan *Jawi* tidak hanya merujuk Pulau Jawa dan orang Jawa sahaja, melainkan juga kepada seluruh Asia Tenggara dan penduduknya sekali seperti Melayu, Bugis, Aceh, Mandailing, Minangkabau, Banjar, Madura dan lain-lain termasuk Jawa.

Tidak ada tarikh tepat bagi mengenal pasti bilakah peristiwa pinjaman ini berlaku. Namun adalah diperkirakan bahawa tulisan ini telah dipinjam selepas orang Melayu memeluk Islam dan mengenali al-Quran, dari mana huruf-huruf ini berasal atau mereka kenali. Sungguhpun demikian, bilakah tarikh sebenar agama ini datang ke alam Melayu dan menjadi agama anutan penduduknya, merupakan suatu perbincangan lain yang tidak akan disentuh di sini.

Sejauh yang dapat dikesan, tulisan Jawi atau “tulisan Arab dalam bahasa Melayu” paling awal ditemui di Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu, bertarikh pada hari Jumaat 4 Rejab 702 Hijriah bersamaan 22 Februari 1303 Miladiyah. Tulisan ini yang “tersurat” pada sebuah batu (kemudiannya dikenali dengan nama Batu Bersurat Terengganu

atau Prasasti Terengganu) merupakan piagam undang-undang Islam yang diperundang-undangkan atau dikuatkuasakan kepada masyarakat Islam setempat pada masa itu. Adalah dipercayai, pada waktu piagam ini “disuratkan” pada batu berkenaan, masyarakat Kuala Berang, Terengganu dan kawasan sekitarnya telah lama beragama Islam dan dengan demikian telah pandai membaca al-Quran dan mengerti atau mengenal huruf-huruf Arab yang diambil bagi menulis atau menyurat prasasti ini.

Lain-lain penemuan awal tulisan Jawi terdapat pada batu hidup yang ditemui di Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan bertarikh 1467 Miladiyah (Kang Kyoung Seuk 1990: Lampiran); pada Batu Bersurat di Pahang bertarikh 15 Syawal 900 Hijriah bersama 9 Julai 1495 (Tun Teja dalam *Pelita Bahasa*, Mac 1991: 30); pada batu nisan yang ditemui di beberapa tempat di alam Melayu, terutama di tempat-tempat yang diketahui pernah berdiri kerajaan silam seperti kawasan pemakaman raja-raja Aceh di Banda, Aceh, Kompleks Pemakaman Raja-Raja Pasai – Samudera, makam raja-raja Melayu di Semenanjung, Kesultanan Brunei, Sumatera Barat, Sumatera Selatan, Kalimantan Barat dan Kalimantan Selatan (Amat Juhari Moain, 1996: 21). Selain itu tulisan Jawi awal juga terdapat pada surat kiriman raja-raja, misalnya pada surat izin dagang daripada Sultan Aceh kepada Sir Henry Middleton bertarikh 1602 dan surat emas Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh kepada raja Inggeris, James I, bertarikh 1615 (A. T. Gallop dan B. Arps 1991: 34 – 36). Khusus bagi kawasan Selatan Thai, tulisan Jawi awal dapat dilihat pada Meriam Raja Senggora bertarikh 4 Zulkaedah 1063H/26 September 1653 yang sejak 1887 dibawa ke England dan ditempatkan di hadapan Royal Chelsea Hospital, London (Mohd. Zamberi A. Malek 1993: 66 – 67).

Kecuali itu, dalam hal manuskrip pula, maka tulisan Jawi tertua ditemui ialah pada naskhah kitab *al-Aqa'id al-Nasafi* bertarikh 998H/1590M (S. M. Naguib al-Attas: 1988).

Patut dicatat bahawa sekitar waktu ini, yakni selepas tarikh Prasasti Terengganu dan sebelum kuasa barat menjadi sangat berkuasa di alam Melayu, tulisan Jawi telah tersebar luas di gugusan pulau-pulau Melayu. Ia bukan sahaja digunakan di daerah-daerah asal berbahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera Timur, tetapi juga di Sumbawa, Banjarmasin, dan malah di Tidore, Ternate, Ambon, Makasar dan Kepulauan Sulu di Mindanao (Selatan Filipina).

Dalam tempoh ini sangat jelas bahawa tulisan Jawi adalah tulisan bahasa Melayu yang paling luas digunakan, tidak terkecuali di Selatan Thai yang pada masa itu diperintah oleh Raja-Raja Patani dan Senggora. Bahkan, sehingga ke zaman moden pada hari ini pun, tulisan Jawi masih

banyak digunakan oleh orang Melayu di Malaysia, Indonesia, Brunei, Selatan Thai dan Singapura yang menggunakannya terutama dalam bidang pengajian agama di masjid-masjid, surau-surau dan institusi-institusi agama seperti pondok dan madrasah. Selain orang Melayu dan di daerah berbahasa Melayu, huruf Arab juga digunakan oleh orang Jawa di Pulau Jawa – dinamakan tulisan “Pegon” dan oleh orang Bugis di Sulawesi Selatan dengan nama “Tulisan Serang”. Selain Jawa dan Bugis, orang Cham di Vietnam dan Kemboja juga dikenal pasti menggunakan huruf Jawi, khusus untuk menulis kitab-kitab agama Islam, hikayat Melayu dan takwim Cham juga.

## Bahasa Melayu di Selatan Thai

Selepas mukadimah pendek ini, kita sekarang sampai kepada isi perbincangan kertas ini iaitu mengenai kedudukan dan peranan bahasa Melayu (Basa Yawi) dalam masyarakat Melayu Muslim di Selatan Thai. Kita maksudkan dengan istilah “Selatan Thai” dalam kertas ini ialah empat wilayah selatan iaitu Yala, Patani, Narathiwat dan termasuk Satun. Empat wilayah ini yang dikenal dengan nama *Si Changwat Phak Thai* adalah seluas kira-kira 13,700 kilometer persegi dan terletak di ujung paling selatan Negara Thai dan bersempadan dengan Malaysia – kecuali Wilayah Patani. Dari segi sejarahnya, empat wilayah ini dahulunya adalah milik Kesultanan Melayu Patani dan Kedah-Perlis, dan baru menjadi sebahagian dari Negara Thai berasaskan *Perjanjian Bangkok 1909*, kira-kira satu abad yang lampau. Atas sifatnya sebagai “bekas negeri Melayu” maka jangan hairan apabila empat wilayah ini kini didominasi oleh etnik Melayu dengan bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungannya yang utama, manakala tulisan Jawi menjadi media khas milik mereka, terutama dalam bidang pengajian agama di madrasah-madrasah dan di pondok-pondok.

Walaupun bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negeri Thai ialah bahasa Thai, namun banci tahun 1960 bagi wilayah-wilayah Patani, Yala dan Narathiwat menunjukkan ada kira-kira 75% daripada jumlah penduduk yang berumur lima tahun ke atas yang tidak dapat bertutur dalam bahasa Thai (Pejabat Perangkaan Pusat, 1960). Angka ini jelas memperlihatkan bahawa masih terdapat sejumlah besar penduduk dalam kawasan terlibat yang tidak berupaya bertutur dalam bahasa Thai, atau yang tidak mahu atau berpendapat bahawa adalah tidak perlu bagi mereka mempelajari bahasa Thai, sebaliknya tetap menggunakan dialek Melayu tempatan wilayah mereka. Kecuali di Satun, di mana keadaannya

sedikit berbeza apabila penggunaan bahasa Melayu di wilayah berkenaan didapati tidak meluas atau kurang aktif, berbanding dengan di Patani, Yala dan Narathiwat, walaupun dari segi jumlah penduduk, bilangan mereka adalah mewakili 85% (Court 1975: 67).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Amon Tharisak (1987), selain empat wilayah yang telah disebutkan, bahasa Melayu juga terdapat di wilayah-wilayah Songkhla, Nakon Si Thammarat, Krabi, Phuket, Patthalung, Trang, Surat Thani dan Ranong, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil dan terbatas dalam kalangan orang-orang yang telah berumur.

Khusus bagi masyarakat Melayu-Muslim dalam empat wilayah selatan (Patani, Yala, Narathiwat dan Satun) dan juga sebahagian dari wilayah Songkhla, bahasa ibunda mereka ialah sejenis dialek Melayu. Dalam kehidupan seharian, mereka sering menggunakan dialek Melayu ini sebagai bahasa perhubungan, terutama di antara ahli-ahli kumpulan yang sama (intra group). Walau bagaimanapun, apabila perhubungan mereka melibatkan orang-orang dari kelompok luar (inter group), mereka cenderung menggunakan bahasa Thai variasi Bangkok (Tengah), bukan variasi selatan seperti yang digunakan oleh orang-orang Thai di selatan (Seni Mudmarn 1990: 935).

Berbalik kepada tulisan Jawi yang menjadi media utama pengguna bahasa Melayu di Selatan Thai. Adalah sangat nyata bahawa bagi orang Melayu-Muslim, tulisan Jawi ini sangat terkait dengan identiti etnik (Melayu) dan agama (Islam), sehingga dalam hal ini bahasa Melayu itu dilihat menjadi semacam pemisah antara etnik Melayu dengan bukan Melayu dan antara Islam dengan bukan Islam. Lebih dari itu, bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi antara mereka sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, tetapi juga menjadi jambatan yang sentiasa mengingatkan mereka kepada sejarah kegemilangan kerajaan Melayu pada zaman lampau. Atau dalam perkataan lain, keberadaan bahasa Melayu telah dianggap sebagai sebuah warisan sejarah dan budaya yang sangat mereka hargai dan wajib dipelihara.

Inilah faktor yang menjadi asas bagi kelangsungan hidup bahasa ini dalam wilayah selatan sehingga sekarang. Ditambah dengan peranannya dalam bidang pengajian Islam, bahasa Melayu tulisan Jawi menjadi sangat berpengaruh dan mulia kedudukannya dalam masyarakat penggunaannya. Seorang pengkaji bahasa, Seni Mudmarn, menyebut bahawa tulisan Jawi bukan sahaja dikaitkan dengan aspek-aspek komunikatif dan perlambangan budaya Melayu, tetapi juga dengan ajaran, penyebaran dan pelaksanaan upacara-upacara keagamaan dalam Islam (peribadatan atau

ritual). Saking kuatnya ikatan bahasa ini dengan agama Islam, sampai-sampai dapat dilihat bahawa dalam beberapa upacara keagamaan tertentu dalam kalangan orang Melayu-Muslim yang tidak tahu berbahasa Melayu pun, tetap menggunakan atau dikendalikan dalam bahasa Melayu (Seni Mudmarn 1990: 938-939).

## Bahasa Melayu Tulisan Jawi Sebagai Media Pengajian Islam

Baiklah, selepas ini penulis ingin mengajak hadirin untuk secara khusus melihat peranan tulisan ini (baca: bahasa Melayu) dalam bidang pengajian Islam dalam wilayah-wilayah selatan yang dimaksudkan. Adalah sangat nyata bahawa pengajian Islam di madrasah-madrasah dan di pondok-pondok dalam wilayah selatan menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi sebagai bahasa dan mediana yang utama. Dalam wilayah-wilayah ini, setidak-tidaknya dalam tiga wilayah (Yala, Patani dan Narathiwat), penggunaan bahasa Melayu tetap dikekalkan, bagi menyambung sebuah tradisi pengajian yang telah berjalan sejak lama.

Dalam hal ini sering dikatakan bahawa sistem madrasah dan sekolah pondok telah menjadi alat atau sarana yang sangat berkesan dalam pengekalan bahasa Melayu di selatan. Di sekolah-sekolah ini, hampir semua mata pelajaran, kecuali mata pelajaran bahasa Arab, diajar dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kitab-kitab Jawi yang dikarang oleh para ulama mereka. Malah di setengah-setengah madrasah, mata pelajaran bahasa Melayu tulisan rumi kadang-kadang turut menjadi mata pelajaran wajib. Dengan demikian, bagi anak-anak pondok, walaupun mereka tidak terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu di rumah-rumah mereka (seperti yang berlaku dalam kalangan penduduk Satun), namun setelah belajar di madrasah atau pondok, mereka mulai menggunakan dan mempelajari bahasa Melayu ini.

Selain menjadi bahasa pengantar, maka yang sangat penting ialah penggunaan tulisan Jawi yang menjadi semacam kurikulum wajib dalam sistem pengajian pondok dan madrasah ini. Dalam hal ini patut dicatat bahawa adalah menjadi satu kebanggaan bagi penduduk Melayu-Muslim di selatan untuk mempelajari ajaran Islam melalui teks-teks kitab Jawi yang ditulis oleh ulama silam mereka, sebelum berangkat kepada kitab-kitab yang lebih tinggi dalam bahasa Arab, meneruskan sebuah tradisi pengajian Islam yang telah berjalan sejak ratusan tahun dahulu, sekali gus bagi mengingatkan mereka akan sejarah bumi tempat tinggal mereka. Secara kebetulan, kitab-kitab Jawi ini memang banyak ditulis oleh

ulama wilayah selatan, khususnya Patani, dan dalam banyak bidang pula, merangkumi usuluddin, fiqah, tasawuf, tajwid, tarikh, perubatan atau tib dan lain-lain. Usaha ini telah bermula sejak awal, iaitu pada tahun 1002H/1593M apabila Faqih Wan Musa al-Fatani dari Kampung Sena menulis *Kitab Sarf* dan ilmu *Mantiqnya*. Tradisi ini diteruskan oleh Syeikh Abdullah Pauh Bok pada tahun 1184H/1770M apabila beliau menulis *Tanbih al-Ghafilin*, sebuah kitab yang mengandungi beberapa hadis tarhib atas beberapa dosa, yang dibahagikan dalam 12 bab.

Tradisi ini berkembang pesat dalam abad 19M apabila muncul beberapa orang ulama pengarang asal Patani yang menulis kitab-kitab Jawi dengan banyak. Antaranya termasuklah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (meninggal 1846), Syeikh Nik Dir al-Fatani (1898), Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani (1908), Syeikh Zain al-Abidin bin Muhammad atau Tuan Minal al-Fatani (sekitar 1913), Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fatani (1915) dan lain-lain. Sehingga berakhir pada abad 20 ini, setidak-tidaknya terdapat 7 orang ulama besar dari wilayah selatan yang telah menulis sekitar 100 judul kitab Jawi. Dua orang pengkaji Australia, Virginia Matheson dan M. B. Hooker telah menulis sebuah artikel panjang mengenai kitab-kitab Jawi Patani ini berjudul "Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition" dan disiarkan dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Volume 61 (1988). Manakala penulis sendiri dalam buku *Ulama Besar Dari Patani* (Edisi Kedua, 2009) menyenaraikan sejumlah 188 buah kitab Jawi (yang bercetak sahaja) yang ditulis oleh ulama-ulama wilayah selatan sehingga tahun 140H/1980M, termasuk dari Nakhon Si Thammarat dan Songkhla.

Dari fakta ini sangat jelas diketahui bahawa melalui dua sisi ini -bahasa Melayu sebagai pengantar dan kitab Jawi sebagai teks - institusi pondok atau madrasah telah menjadi semacam benteng bagi menahan lajunya arus hakisan bahasa Melayu dalam wilayah selatan. Inilah sebabnya juga, dalam tiga wilayah selatan yang sistem pengajiannya masih didominasi oleh pondok dan madrasah, penduduk setempat masih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan yang utama (dengan penggunaan bahasa Thai terbatas dalam urusan rasmi atau dengan kumpulan luar - inter group - yang menggunakan bahasa Thai).

## Faktor bagi Pengekalan Bahasa Melayu di Selatan

Seperti telah disinggung di atas, faktor utama bagi pemeliharaan dan kelestarian bahasa Melayu di selatan ialah keterkaitannya dengan etnik

Melayu dan agama Islam. Kerana jumlah etnik Melayu merupakan majoriti penduduk dalam kawasan ini, maka mereka sering menggunakan bahasa Melayu, dan kerana mereka mempelajari ajaran agama di madrasah-madrasah dan di pondok-pondok, maka mereka menggunakan aksara Jawi sebagai media utama.

Adalah menjadi amalan masyarakat Melayu-Muslim di selatan menggunakan bahasa Melayu di rumah mereka. Mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan anak-anak, keluarga dan jiran-jiran sekampung dan dalam mukim mereka. Manakala bagi anak-anak pula, bahasa Melayu menjadi bahasa ibunda sebelum mereka menyertai persekolahan wajib di sekolah-sekolah rendah dalam bahasa Thai pada umur yang ditetapkan. Selepas persekolahan rendah wajib ini, kalau mereka menjadi pelajar madrasah atau pondok, maka mereka kembali berinteraksi dengan bahasa Melayu, baik dalam masa belajar mahupun sebagai bahasa perhubungan antara sesama pelajar.

Adapun mengenai tulisan Jawi, maka adalah wajar kalau anak-anak di selatan didedahkan dengan tulisan ini sejak awal atau malah pada peringkat tadika lagi. Malah lebih awal dari itu, iaitu pada waktu anak-anak mula belajar membaca al-Quran. Sejatinya, oleh kerana tulisan Jawi berasal dari huruf Arab, maka pada waktu anak-anak ini belajar membaca al-Quran, mereka pada hakikatnya sedang belajar mengenal huruf Jawi. Demikian sebaliknya. Dalam hal ini adalah didapati bahawa hubungan antara pelajaran membaca Jawi dengan pelajaran membaca al-Quran tersangat rapat. Adalah sebuah kenyataan yang sudah diterima umum bahawa mempelajari al-Quran tanpa dasar pengetahuan Jawi akan menjadi sangat sulit atau lambat. Ini terjadi kerana banyak kalimah atau perkataan dalam bahasa Melayu yang berasal dari kata-kata Arab dan dieja dalam kaedah bahasa Arab – walaupun kadang-kadang dengan sedikit menyimpang. Perkataan-perkataan seperti *sabar*, *tawakal*, *zahir*, *majnun*, *baligh*, *rasul*, *kitab*, *maklumat*, *dakwat*, *kertas*, *azab* dan *akal* dalam ejaan Jawi misalnya, sama sahaja bentuknya dengan ejaan asal dalam bahasa Arab. Nah! Bagi mereka yang sedang belajar Jawi, dan pada masa yang sama belajar membaca al-Quran, maka persamaan ini akan sangat membantu. Lebih cepat mereka mahir membaca Jawi, lebih cepat mereka dapat membaca al-Quran yang memang menjadi tugas wajib bagi setiap orang Islam. Dalam hal ini, hubungan Jawi dengan al-Quran (baca: agama Islam) layaknya seperti hubungan bahasa Sanskrit dengan agama Hindu atau bahasa Ibrani (Hebrew) dengan agama Yahudi.

Lain-lain faktor yang boleh juga disebut sehubungan dengan perkara ini ialah kenyataan bahawa aksara Jawi telah lama diterima menjadi



tulisan rasmi bagi bahasa Melayu (lihat semula bahagian awal kertas ini). Sebelum kedatangan barat pada abad 16, sehingga abad 19, tulisan Jawi telah diterima pakai dalam banyak urusan dalam dunia Melayu. Mulai dari surat-surat perjanjian, warkah raja-raja, sehinggalah kepada petua-petua perubatan dan perdukunan orang Melayu. Mulai dari batu bersurat atau prasasti, sehinggalah kepada inskripsi pada batu-batu nisan dan manuskrip kesusasteraan Melayu. Khusus bagi wilayah Selatan Thai, kita dapati hubungan surat menyurat antara raja-raja Melayu dengan kerajaan Siam dalam abad 19 tertulis dalam huruf Jawi (lihat C. Skinner, *The Civil War in Kelantan* 1965). Malah, pada makam raja Melayu Senggora, Sultan Sulaiman Shah bin Sultan Moghul, juga terdapat catatan dalam bahasa Melayu huruf Jawi.

## Cabaran Bahasa Melayu Kini

Apa yang dipaparkan di atas ialah sebuah warisan sejarah dan budaya yang diwarisi oleh orang Melayu di dunia Melayu amnya dan di Selatan Thai khasnya. Namun, setelah berlalu satu abad selepas *Perjanjian Bangkok 1909*, warisan ini terasa semakin pudar dan sirna, manakala angka-angka penduduk Melayu-Muslim dalam wilayah Selatan Thai juga sudah bergeser. Turut berubah ialah angka tahun 1960 yang menunjukkan 75% daripada jumlah penduduk wilayah selatan pada masa itu – yang berumur 5 tahun ke atas – yang tidak dapat bertutur dalam bahasa Thai. Pada hari ini masyarakat Melayu-Muslim di Selatan Thai sedang berhadapan dengan sebuah dilemma bahasa. Pada satu sisi mereka terpukau dengan nostalgia masa lampaunya yang gemilang di mana bahasa Melayu sangat berpengaruh dan memainkan peranan, manakala pada sisi yang lain mereka terpaksa berhadapan dengan realiti dasar pelajaran kebangsaan dan asimilasi kerajaan Thai.

Di bawah dasar ini, kerajaan melihat sistem pendidikan sebagai alat atau saluran yang berkesan bagi mengintegrasikan masyarakat pelbagai etnik atau kaum dalam sebuah negara, termasuk Melayu-Muslim. Meskipun dasar ini tidak atau belum sepenuhnya berjaya, namun dalam kalangan generasi muda dan masyarakat bandar, mereka nyatanya semakin dekat dengan pendidikan dalam bahasa Thai dan keperluan menggunakan bahasa tersebut. Penerimaan negatif, malah penentangan masyarakat Melayu-Muslim pada peringkat awal terhadap dasar kerajaan yang memperkenalkan kurikulum pendidikan Thai di pondok-pondok, kini telah mulai berkurang. Lama kelamaan mereka merasa perlu menyesuaikan diri dengan keadaan dan kehendak semasa,

termasuk desakan bagi mendapatkan berbagai kemudahan dalam bentuk bantuan kewangan, guru-guru dan bangunan sekolah yang sangat mereka perlukan.

Pada dekad 1970-an, penduduk Melayu-Muslim mula menerima sistem pendidikan kerajaan, walaupun dengan sangat hati-hati, apabila mereka memasukkan mata pelajaran umum (saman) Thai ke dalam kurikulum madrasah (dahulunya pondok). Hasil daripada penerimaan ini, pelajar-pelajar di madrasah kini menerima dua jenis aliran pendidikan – aliran agama/Arab dan aliran sekular pendidikan Thai. Kelak di peringkat yang lebih tinggi, pelajar-pelajar madrasah ini bebas memilih bidang pengajian mereka, asalkan mereka lulus ujian masuk ke universiti (Hassan Madmarn 1999: 81-82).

Selain bidang pendidikan yang sedang berubah, masyarakat Melayu-Muslim juga berhadapan dengan semakin menciutnya ruang penggunaan bahasa Melayu. Tak dapat tidak, dengan sistem pendidikan madrasah yang telah memberi ruang kepada pendidikan Thai, maka sangat terasa penggunaan bahasa Melayu semakin mengecil. Ia akhirnya tinggal sebatas bahasa perhubungan dalam rumah tangga, keluarga dan jiran-jiran sekampung dan sehalaman sahaja. Di luar kumpulannya, mereka sepertinya perlu menggunakan bahasa Thai.

Dalam bidang media massa, nyaris tidak ada ruang untuk bahasa Melayu. Dr. Worawit Baru dalam tulisannya “Patani Dalam Konteks Dunia Melayu” menyebut bahasa Thai menguasai lebih 90% media massa, baik radio, TV, majalah dan sebagainya. Diikuti selebihnya oleh bahasa Inggeris, Cina dan amat sedikit bahasa Melayu (tidak lebih dari 3%, dan itu pun dalam loghat tempatan). Menurut beliau lagi, “akhbar dalam bahasa Melayu masih belum mendapat kebenaran untuk diterbitkan” (Worawit Baru 1990: 67).

Inilah realiti yang sedang dihadapi oleh masyarakat Melayu-Muslim sekarang. Dalam perkataan lain, penggunaan bahasa Melayu makin terjerlus dan terhakis. Ruang untuknya bergerak semakin menyempit dan kerananya jalannya semakin terbatas dan tersendat-sendat.

Akan mampukah bahasa Melayu tulisan Jawi menghadapi cabaran ini? Tanpa sokongan sistem pendidikan agama dan penggunaan buku-buku teks Jawi yang dikenal selama ini sebagai benteng bagi pertahanan bahasa Melayu, penulis percaya masa depan bahasa Melayu di Selatan Thai sulit dipertahankan. Pada hari ini pun, sudah ramai terdapat anak-anak muda generasi baru yang tidak pandai membaca Jawi dan lebih lancar bertutur dalam bahasa Thai. Malah, untuk mempelajari ajaran agama, mereka cukup dengan membaca buku-buku dalam bahasa Thai yang memang banyak diterjemahkan dan diterbitkan sekarang.

Belakangan muncul satu fenomena baru. Terdapat kecenderungan, malah usaha-usaha, bagi menukar bahasa Melayu huruf Jawi ini kepada bahasa Melayu aksara Thai pula. Kepada penulis dibisikkan maklumat bahawa telah terbit sebuah kamus bahasa Melayu yang menggunakan aksara Thai seluruhnya, tanpa ada sepatah kalimah atau perkataan pun yang menggunakan huruf Jawi. Pada hal apa salahnya, kalau selepas kosa kata bagi satu-satu kalimah masukan (entry) dibuat dalam aksara Thai, diikuti selepasnya dengan ulangan kalimah yang sama dalam huruf Jawi sebelum diberi keterangan dalam bahasa Thai – menyerupai kamus *A Malay-English Dictionary* susunan R. J. Wilkinson yang terbit di Singapura pada 1901 (kata masukan untuk kamus ini ditulis dalam ejaan Jawi, diikuti selepasnya dengan keterangan dalam bahasa Inggeris). Bagi penulis upaya ini tidak lebih dari usaha untuk meniru apa yang pernah berlaku di Indonesia dan Malaysia apabila di kedua-dua negara berkenaan ejaan bahasa Melayu huruf rumi digunakan bagi menggantikan ejaan bahasa Melayu huruf Jawi.

## Gagasan

Menurut teori bahasa yang dikemukakan oleh Weinreich bernama “Kesetiaan Bahasa” atau “Language Loyalty”. Istilah ini merujuk sentimen yang wujud dalam kalangan penutur bahasa dalam sebuah masyarakat atau negara yang mempunyai dua bahasa atau lebih yang merasakan bahawa bahasa miliknya terancam oleh suatu bahasa lain. Perasaan ini telah menyebabkan si penutur bahasa berkenaan cenderung untuk mempertahankan bahasanya melalui beberapa tindakan seperti berupaya menghidupkan kembali bahasa mereka yang hampir hilang, seperti yang terjadi pada bahasa Irish, atau dengan meningkatkan penggunaan bahasa berkenaan di rumah dan dalam perhubungan dengan anggota masyarakat yang sama, seperti yang berlaku dalam kalangan penutur bahasa-bahasa etnik di Amerika, ataupun dengan cara memperjuangkan kedudukan bahasa minoriti dari segi perundangan sebagaimana yang berlaku pada bahasa Perancis di Kanada. Weinreich mendefinisikan “Kesetiaan Bahasa” ini seperti berikut:

Kesetiaan Bahasa dapat didefinisikan sebagai satu prinsip – kandungan sebenarnya berbeza daripada satu kes kepada kes yang lain – yang menjadi asas perjuangan secara sadar dan tegas ahli-ahli sesuatu masyarakat bahasa dalam usaha menentang apa-apa langkah, sama ada untuk mengubah fungsi-fungsi bahasa mereka (hasil daripada perubahan arus penggunaan bahasa) atau untuk mengubah struktur atau perbendaharaan kata bahasa mereka (sebagai akibat daripada gangguan) (Weinreich 1953: 99).

Dari definisi ini sangat jelas diketahui bahawa kesetiaan bahasa sangat terkait dengan sentimen yang muncul dalam kalangan penutur bahasa yang terancam, yang menghasilkan tindak balas bahasa itu perlu dipertahankan. Tindak balas ini mungkin bersifat ringan seperti penentangan pencinta bahasa terhadap penggunaan kata-kata asing dalam bahasanya. Tetapi ia juga boleh bersifat keras, seperti dalam bentuk rusuhan sebagai pernyataan tidak puas hati atau marah terhadap sesuatu keputusan bahasa. Menurut Weinreich lagi, persoalan bahasa seperti ini merupakan satu gejala yang lumrah berlaku di seluruh dunia, khasnya di negara-negara yang mempunyai sejumlah penutur bahasa yang bersifat minoriti.

Penulis tidak ingin memberi contoh bagi kes ini, tetapi Seni Mudmarn dalam tulisannya dengan nyata memberi contoh kesetiaan bahasa ini dengan merujuk konflik bahasa yang terdapat atau berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu-Muslim di Selatan Thai yang menjadi isi perbincangan kertas ini.

Adalah diakui, sebagai masyarakat minoriti dalam sebuah negara seperti Thai, orang Melayu-Muslim sentiasa bertembung dengan bahasa dan budaya masyarakat majoriti melalui berbagai saluran, cara dan kuat kuasa undang-undang. Seperti inilah keadaan yang tengah dihadapi oleh masyarakat Melayu-Muslim di Selatan Thai. Mereka kini seolah-olah berada dalam sebuah dilemma. Pada satu sisi mereka terikat dengan warisan dan kesetiaan bahasa, manakala pada sisi lain mereka berhadapan dengan realiti yang tak dapat mereka elakkan. Keadaan seperti ini meletakkannya dalam posisi seperti kata pepatah Melayu “ditelan mati emak, diluahkan mati bapak” atau seperti “dimakan mabuk, dibuang sayang”.

Namun adalah penting bagi mana-mana kerajaan menjaga keharmonian di antara kumpulan-kumpulan bahasa yang berlainan dalam negaranya. Banyak negara di dunia yang memberi ruang kepada penggunaan bahasa etnik dalam negara mereka masing-masing. Rusia misalnya, walaupun mempunyai bahasa kebangsaan negaranya, namun penggunaan bahasa-bahasa etnik seperti Tatar, Bashkir dan Azeri tetap dibenarkan dipelajari di kalangan penuturnya. Demikian juga di Indonesia. Walaupun bahasa rasminya adalah bahasa Indonesia, namun bahasa-bahasa daerah seperti Jawa dan Sunda, juga Bali, tetap diajar di sekolah-sekolah, setidak-tidaknya di peringkat rendah. Hal yang persis sama juga berlaku di negara-negara Afrika Timur seperti Tanzania dan Kenya yang tetap membenarkan bahasa Swahili diajar di sekolah-sekolah, atau di Kanada yang tetap memberi ruang kepada bahasa Perancis

(khususnya di Quebec). Bagi negara Thai, kerajaan perlu mengambil kira akan kepentingan pola kesetiaan bahasa dan pengekalan penggunaan bahasa Melayu ini dalam usahanya melaksanakan dasar-dasar bahasa dan falsafah pendidikan dalam negaranya.

## Rumusan

Penulis tidak ingin menurunkan apa-apa pandangan peribadi dalam hal ini, akan tetapi suka menutup makalah ini dengan memetik tulisan Seni Mudmarn (1990) yang menyatakan “adalah penting disedari bahawa bahasa Melayu di Selatan Thai perlu dilihat sebagai sumber negara; adalah lebih menguntungkan bagi negeri Thai jika sejumlah penduduk dapat bertutur dengan fasih dalam bahasa negara jiran yang dikenal mempunyai hubungan yang baik dengannya. Bahasa Melayu di Selatan Thai patut dipupuk dan diberi status yang bersifat “rasmi” terutama pada peringkat daerah. Dengan demikian orang-orang tempatan tidak mempunyai rasa bimbang akan kehilangan bahasa ibunda mereka, dan ini akan menyebabkannya menjadi lebih terbuka terhadap penggunaan bahasa Thai.”

## Rujukan

- Al-Fatani, Ahmad Fathy. 2009. *Ulama Besar Dari Patani* (edisi kedua). Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Amat Juhari Moain. 1991. Sejarah Tulisan Jawi. Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. 1996. *Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Madmarn 1999. *The Pondok & Madrasah in Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Ahmad. 1992. Perkembangan Perkamusan Melayu. Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kang Kyong Seuk 1990. *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zamberi A. Malek. 1993. Bedil Raja Singgora. Dlm. *Dewan Budaya*. Mac. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Seni Mudmarn. 1990. Persoalan Kesetiaan Bahasa dalam kalangan Orang Melayu-Muslim di Selatan Thai. Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (terjemahan Prof. Dr. Nik Safiah Karim dari kertas kerja yang dibentangkan di “Seminar on Cultural Understanding: Thailand-Malaysia” di Songkhla pada 28-29 Mei).

Skinner, Cyril. 1965. *The Civil War in Kelantan in 1839*. MBRAS.

Weekes, R.V. (ed.). 1984. *Muslim People: A World Ethnographic Survey* (Vol. I & II). Connecticut: Greenwood Press.

Worawit Baru (Ahmad Idris) 1991. Patani dalam Konteks Dunia Melayu. Dlm. Mohd Yusof Hasan (ed.). *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.